

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : OUTDOOR
PUSAT/ FUNGSI : AKTIVITI FIZIKAL
TAJUK/ TEMA : MARI PERTAHANKAN NEGARA

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	FK 2.2 KD 3.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor Menggunakan kemahiran sosial dalam hubungan dengan orang lain
2	STANDARD PEMBELAJARAN	FK 2.2.2 KD 3.2.5	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor Menyesuaikan diri dengan situasi tertentu untuk bersosialisasi.
3	STREAM	S	Meneroka dan berkongsi idea tentang ciptaan kubu untuk pertahanan.
		T	Guni, pasir
		R	Mengamalkan sikap toleransi dalam aktiviti kumpulan.
		E	Membuat lakaran kubu dan benteng
		A	Membuat kubu dan benteng menggunakan guni dan pasir
		M	Mengira jumlah kubu yang telah di hasilkan.
4	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak dapat membina keyakinan dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan aktiviti mari mempertahankan negara..	
5	BBM	Gunting , jarum dan benang.	
6	NILAI MURNI	Berkerjasama, bersabar menunggu giliran, yakin .	
7	<u>STRATEGI PELAKSANAAN</u>		
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Aktiviti ini dijalankan bersama dengan ibubapa. 2. Guru menyediakan bahan-bahan untuk membuat kubu seperti : Gunting , kain guni , pasir, jarum dan benang. 3. Guru memberi penerangan dan mendemonstrasikan cara membuat kubu di hadapan ibu bapa dan kanak-kanak iaitu dengan memasukkan pasir ke dalam guni. 		

4. Kanak-kanak dan ibu bapa dibahagikan kepada 2 kumpulan.
5. Kanak-kanak dengan kerjasama ibubapa membuat lakaran sebelum menghasilkan kubu menggunakan bahan yang telah disediakan secara berkumpulan.
6. Guni yang telah siap dimasukkan pasir, disusun mengikut kesesuaian tempat di kawasan luar tabika.
7. Guru menerangkan aktiviti simulasi berperang dan menekankan aspek keselamatan.
8. Kanak-kanak memakai baju kalis air yang telah dibuat ketika berada di *Innovation Learning Centre*.
9. Kanak-kanak bersedia ke medan pertempuran. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan:
 - i)- 1 kumpulan bertindak sebagai perajurit
 - ii)- 1 kumpulan bertindak sebagai musuh
10. Kanak-kanak diberikan granite/belon air yang bewarna merah dan hijau untuk digunakan sebagai bom tangan.
11. Guru membunyikan semboyan dengan menggunakan hon udara sebagai simbol bermulanya pertempuran.
12. Kanak-kanak yang kena bom air akan keluar dari kubu. Kumpulan yang paling ramai dibom akan dikira kalah dalam pertempuran ini. Kumpulan yang tidak kena bom air dikira sebagai pemenang.
13. Semboyan di bunyikan sekali lagi tanda berakhirnya pertempuran dan guru akan mengumumkan pemenang permainan bom air.
14. Kedua-dua kumpulan berkumpul dan bersalam-salaman tanda berakhirnya aktiviti.

*Guru menerapkan nilai keselamatan kepada kanak - kanak.

